

07 JUL 1999

Osu-Rumah

KERAJAAN SABAH PERCEPATKAN PEMBINAAN RUMAH KOS RENDAH

KOTA KINABALU, 7 Julai (Bernama) -- Kerajaan Sabah hari ini memberi jaminan untuk mempercepatkan pembinaan rumah kos rendah bagi memenuhi keperluan rumah di kalangan golongan berpendapatan rendah.

Ketua Menteri Datuk Osu Sukam berkata kerajaan negeri akan mempermudah semua tatacara yang berkaitan dengan urusan bagi mendapatkan kelulusan projek perumahan kos rendah.

"Kita juga sedang mengenal pasti kawasan tanah yang sesuai di sekitar bandar Kota Kinabalu, Tawau dan Sandakan untuk tujuan itu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet negeri di sini.

Semalam Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh berkata kerajaan Persekutuan tidak berpuas hati dengan pencapaian kerajaan-kerajaan negeri dalam melaksanakan projek perumahan kos rendah.

Dr Ting berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga telah mengeluarkan arahan kepada semua Menteri Besar dan Ketua Menteri, meminta mereka mempercepatkan pembinaan rumah kos rendah.

Sebelum ini, kerajaan negeri telah menetapkan sasaran untuk membina sekurang-kurangnya 30,000 unit rumah kos rendah dalam tempoh lima tahun.

Osu berkata beberapa projek perumahan kos rendah yang baru akan dilaksanakan tidak lama lagi termasuk pembinaan 400 unit di Tampi-Tampi, Semporna.

"Semua yang layak boleh memohon untuk memiliki rumah kos rendah tetapi keutamaan akan diberikan kepada penghuni rumah setinggan dari kalangan rakyat tempatan," katanya.

Beliau berkata kerajaan Persekutuan juga telah memperuntukkan lebih RM200 juta bagi membina kira-kira 8,000 unit rumah kos rendah untuk disewakan.

Minggu lepas, Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Datuk Yahya Hussin berkata pembinaan rumah kos rendah untuk disewakan itu perlu bagi membantu golongan berpendapatan rendah yang tidak mampu untuk membeli rumah kos rendah melalui pinjaman.

Yahya berkata sewa yang dikenakan bagi rumah jenis itu ialah antara RM100 dan RM150 sebulan.

Ditanya sama ada beliau telah mengenal pasti calon-calon yang akan mewakili Umno pada pilihan raya Parlimen akan datang, Osu berkata: "Kita belum memikirkan perkara itu kerana kita belum tahu bila pilihan raya itu akan diadakan".

Barisan Nasional (BN) kini mempunyai 13 anggota Parlimen dengan 10 daripada Umno.

-- BERNAMA

NT NMO